

12) ISU PENYELENGGARAAN PERUMAHAN STRATA

Adun : Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Kategori : Lisan

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

- a) **Berapakah jumlah pangsapuri strata lama di Selangor yang telah menerima bantuan penyelenggaraan dari tahun 2023 sehingga 2025?**

Bagi tempoh tahun 2023 hingga tahun 2025, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah melaksanakan pelbagai inisiatif penyelenggaraan bagi membantu pangsapuri strata lama, khususnya yang melibatkan pangsapuri kos rendah dan kos sederhana rendah di bawah Program Skim CERIA (Caring Government for Residents' Improvement Aid).

Bagi tahun 2023 hingga 2024, sebanyak 30 skim pangsapuri telah menerima manfaat di bawah program ini melibatkan kerja-kerja baik pulih seperti penggantian bumbung, pembaikan lif, baik pulih tangki air, serta pengecatan semula bangunan. Sementara itu, bagi tahun 2025, sebanyak 9 projek tambahan masih dalam proses pelaksanaan oleh kontraktor yang dilantik dan dijangka siap sepenuhnya menjelang pertengahan tahun 2026.

Statistik penerima manfaat Skim CERIA bagi tempoh 2023–2025 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Skim Pangsapuri	Status Pelaksanaan
2023	18	Siap dilaksanakan
2024	12	Siap dilaksanakan
2025	9	Dalam pelaksanaan (dijangka siap pertengahan 2026)
Jumlah Keseluruhan	39	

b) Adakah Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan untuk tabung penyelenggaraan perumahan strata?

Secara dasarnya, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menyediakan peruntukan tahunan di bawah Program Skim CERIA bagi menampung kos pembiayaan baik pulih pangsapuri kos rendah dan sederhana rendah di seluruh Selangor. Sejak tahun 2011 hingga 2024, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan lebih RM135 juta bagi tujuan penyelenggaraan dan pemulihan infrastruktur bangunan strata. Manakala bagi tahun 2025, peruntukan tambahan sebanyak RM4.5 juta telah disediakan untuk tujuan yang sama.

Selain Skim CERIA, sejak tahun 2023, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan bantuan penyelenggaraan tambahan di bawah Projek Selangor Penyayang (PSP), khusus bagi kerja-kerja pengecatan semula bangunan pangsapuri yang dikenal pasti memerlukan intervensi segera.

Di samping itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut melaksanakan program penyelenggaraan melalui Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) bagi memperbaiki infrastruktur kritikal di rumah pangsapuri kos rendah. Inisiatif ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sentiasa cakna terhadap isu penyelenggaraan bangunan strata, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah, dan akan terus memastikan peruntukan Skim CERIA disediakan setiap tahun bagi tujuan pembiayaan baik pulih dan peningkatan kemudahan bersama.